

## Datin Putih Mariah Ibrahim Rashad: Isu-Isu yang dibangkitkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan

RAMLAH ADAM

### ABSTRAK

*Peluang bagi kaum wanita pramerdeka untuk melibatkan diri dalam badan perundangan kerajaan sebagai pembuat dasar adalah sangat terhad sekali. Bukan sahaja kerana wanita yang berpendidikan tinggi sangat kurang jumlahnya, terutama di kalangan wanita Melayu, tetapi juga disekat oleh adat istiadat dan persepsi agama Islam yang sempit. Maka kehadiran Datin Putih Mariah di tengah-tengah kemarau kepimpinan wanita dalam majlis pembentukan dasar dan perundangan Tanah Melayu adalah sangat penting sebagai wakil kaum wanita zamannya. Kedudukannya sebagai pemimpin politik wanita UMNO Perak dan Pusat membantu beliau membawa isu-isu yang berkaitan dengan kaum wanita, terutama soal pendidikan menengah dan tinggi, perguruan dan latihan-latihan lain. Peningkatan taraf hidup wanita dan wanita sebagai pembela bangsa juga menjadi syor dan dibincangkan. Isu-isu kebangsaan bagaimanapun menjadi perhatiannya; termasuklah penggunaan satu bahasa kebangsaan sebagai alat perpaduan, pembentukan satu sistem pendidikan kebangsaan dan bangsa. 'National Service' menjadi asas dan harapannya untuk melahirkan bangsa 'Malayan' yang beridentiti tempatan. Kepimpinan dalam politik ternyata telah melibatkan Datin Putih Mariah dalam dasar pembinaan sebuah negara yang baru bagi Tanah Melayu yang merdeka pada tahun 1957.*

### ABSTRACT

*The opportunities that were given to pre-merdeka women in the governmental decision-making bodies were not much. Not only were the women not well-educated but they were also subjected to restriction by the customs and the negative interpretation of Islam that were predominant in the Malay society. The appointment of Datin Putih Mariah against this background was very significant as she represented women at the authoritative level. Her position as the UMNO women leader in Perak and at the Federation level enabled her to raise issues pertaining especially to higher education, teaching profession and training for women. Improvement of women's living standard and involvement of women in defence were also suggested and discussed. However, the process of nation-building for the independent Federation of Malaya was also her concern. Issues on national language; a single educational system,*

*and national service were the basis and her hopes to generate a 'Malayan' citizen of local identity. In conclusion, it could be said that Datin Putih Mariah had done her best for the preparation of the birth of a new independent nation in 1957.*

## PENDAHULUAN

Datin Putih Mariah adalah tokoh terawal yang diberi kepercayaan oleh kerajaan kolonial untuk turut serta dalam pembentukan dasar penting kerajaan. Beliau adalah wanita Melayu pertama menganggotai Majlis Perundangan Persekutuan (Federal Legislative Council) bagi tempoh 7 tahun (1948-1955). Perlantikan beliau adalah kerana penglibatan seriusnya dalam UMNO, sebuah parti utama orang Melayu dan sederhana dewasa itu. Kedudukan dan peranan DPM yang penting ini telah terpinggir dan kurang diberi perhatian walaupun usia UMNO telah mencapai setengah abad. Ketokohan beliau juga dilupakan kerana keghairahan kita mengisi dan menyuburkan kemerdekaan yang telah dicapai. Kata gurindam Melayu '*tiada hulu, tiada parang, tiada dahulu, tiada sekarang*', nampaknya tidak diberi tempat di kaca komputer generasi hari ini. Namun, sejarah adalah cermin diri masyarakat dan negara yang patut dirujuk, dipandang dan diperhatikan sebagai penyuluh jalan hari-hari mendatang.

Tokoh yang berasal dari Kuala Kangsar, bandar diraja Perak, lahir pada tahun 1924. Ayahnya seorang pegawai tadbir kerajaan yang sentiasa terdedah kepada kemajuan pendidikan Inggeris. Oleh itu, walaupun bukan kebiasaan anak perempuan Melayu belajar di sekolah Inggeris, Ibrahim Rashid telah memberi pendidikan itu kepada anak perempuannya. Namun, kematian ibu Datin Putih Mariah telah membantutkan persekolahannya ketika mencecah Darjah Dua. Ayahnya terpaksa memberhentikannya dan tiga tahun kemudian mengahwinkan Datin Putih Mariah dengan seorang pegawai pelatih muda dalam *Malay Administrative Service* (MAS) iaitu Zainal Abidin Abbas (Tan Sri) yang juga kelahiran Perak. Mereka hidup bahagia dan dikurniakan beberapa orang cahaya mata. Perkahwinan itu kekal sehingga kematian menjemput suaminya pada tahun 1980-an.

Dalam menganalisis sumbangan penting Datin Putih Mariah, perhatian harus diberikan kepada dua bahagian. Pertama ialah penglibatannya dalam politik negara dan kedua ialah peranannya sebagai pembuat dasar negara menerusi Majlis Perundangan Persekutuan.

## PENGGERAK POLITIK WANITA MELAYU

Sebagai seorang isteri pegawai kerajaan Perak, kedudukannya adalah tinggi dalam masyarakat. Beliau dan suaminya termasuk dalam golongan elit Melayu

Perak. Walaupun mereka bekerja dengan kerajaan British, namun, kesedaran terhadap kebangsaan Melayu adalah tinggi. Peranan Raja Chulan sebagai anggota Majlis Perundangan Persekutuan pada dekad 1930-an menjadi contoh terbaik bagi golongan ini. Mereka yang menjadi ahli Kelab Pegawai Kerajaan Perak di Kuala Kangsar selalu bertemu untuk berbincang hal kebangsaan Melayu. Bagaimanapun, mereka tidaklah begitu melampau sehingga ingin menuntut kemerdekaan dari British. Sebagai pegawai kerajaan yang tertakluk kepada *General Order*, mereka hanya boleh membincang dan mendesak dengan cara yang sederhana. Mereka dengan itu menuntut satu perlindungan ke atas nasib politik orang Melayu di samping mencadangkan reformasi ekonomi dan sosial yang boleh meningkatkan taraf hidup orang Melayu. Peranan kumpulan ini berbeza dengan ahli-ahli politik/nasionalis yang melahirkan pendapat mereka melalui tulisan-tulisan di akhbar ataupun menubuhkan persatuan-persatuan politik. Tindakan mereka dilakukan dengan senyap melalui saluran undang-undang. Mereka berupaya mendesak British supaya membuat dasar-dasar pentadbiran kolonial bagi melindungi kepentingan orang Melayu. Misalnya, Raja Chulan telah berjaya mendapatkan peruntukan Tanah Simpanan Melayu; pendidikan Inggeris, latihan perkhidmatan dan skim perkhidmatan Melayu (MAS) dan *Malayan Civil Service* (MCS) pada tahun 1920-an (lihat Roff 1967:91-125); pengembalian kuasa kepada Negeri-negeri Melayu dan Raja-raja Melayu dalam Desentralisasi (lihat Yeo K.W 1984); penubuhan *Askar Melayu* dan beberapa hal lagi.

Tekanan politik ke atas orang Melayu selepas pendudukan Jepun pada tahun 1945 oleh Parti Komunis Malaya (PKM), MPAJA dan Bintang Tiga telah menyedarkan Datin Putih Mariah terhadap maruah politik orang Melayu yang begitu rapuh. Mereka dengan mudah dibunuh dan disiksa serta kampung halaman mereka dibakar. Ada juga orang Melayu yang ditangkap, dibakar hidup-hidup ataupun dibawa masuk ke hutan tanpa ada khabar berita. Peristiwa berdarah di Kampung Bagan dan Sg. Manik, Perak pada akhir tahun 1945 itu disaksikan Datin Putih Mariah sendiri. Beliau turut membantu menyelamatkan orang-orang Melayu yang lari meninggalkan rumah mencari perlindungan. Beliau juga melawat kampung-kampung yang terbakar selain mendengar berita tentang pencerobohan dan penguasaan pejabat-pejabat kerajaan di Ipoh oleh PKM dan Bintang Tiga. Kuala Kangsar, bandar tempat bersemayam Sultan Perak bernasib baik kerana tidak mengalami nasib seperti itu.

Kemunculan *Malayan Union* dan tindakannya mengambil tandatangan Sultan Perak secara paksa juga sampai ke telinganya. Cerita suaminya, yang juga sangat peka akan nasib bangsanya, didengar dan dihayatinya. Terasa tekanan politik yang bukan sedikit kepada orang Melayu. Kuasa raja dan kerakyatan yang begitu terbuka kepada orang dagang, yang ditolak oleh Sultan Abdul Aziz, diakui kebenarannya. Datin Putih Mariah sedar kedatangan MacMichael pada 20 November 1945 pada pukul 3.30 petang di istana Sultan, adalah satu malapetaka bagi orang Melayu (Sir MacMichael 1537/

1541). Oleh itu, apabila Perikatan Melayu Perak (PMP) dihidupkan semula oleh golongan elit Melayu pimpinan Dato' Panglima Bukit Gantang iaitu Dato' Haji Abdul Wahab bin Dato' Abdul Aziz, seorang peguam dan ahli Majlis Mesyuarat Negeri Perak yang terkenal, DPM menyokong tanpa sebarang soal.

Perikatan Melayu Perak adalah sebuah persatuan negeri yang ditubuhkan khusus untuk menjadi persatuan politik orang Melayu Perak. Sebuah lagi persatuan ialah Persatuan Melayu Perak yang telah ditubuhkan pada tahun 1938 dan dihidupkan semula kerana pengenalan Malayan Union. Ia dipimpin oleh Tahir bin Setia Raja.

Perikatan Melayu Perak didokong oleh pegawai-pegawai kerajaan termasuk guru-guru Melayu. Pada tahun 1947, ahlinya berjumlah 20,385 orang, iaitu satu jumlah yang sangat besar. Ini menunjukkan bahawa kesedaran politik di kalangan orang Melayu di Perak adalah tinggi sekali. Hikayat ini memang benar di Perak berdasarkan kewujudan persatuan-persatuan lain yang bersifat kedaerahan seperti Persatuan Melayu Chendering, Persatuan Melayu Malim Nawar dan Persatuan Muslim Telok Anson. Mereka menyokong Kongres 1946 untuk menentang Malayan Union dan juga terlibat sebagai pengasas penubuhan UMNO.

Datin Putih Mariah yang ada kedudukan sebagai isteri seorang pegawai tadbir Perak dan atas kesedaran peribadinya telah menjadi anggota PMP merangkap setiausaha bahagian wanitanya. Bersama-sama beliau, terdapat beberapa orang wanita lain yang bergiat cergas menyokong PMP. Kebanyakan mereka adalah isteri pegawai-pegawai kerajaan Perak yang menjadi ahli PMP. Antara tokoh tersebut ialah Saadiah Haji Adam dan Cik Maznah dari Taiping. Adanya tokoh-tokoh negeri ini dan adanya bahagian wanita dalam PMP yang menunjukkan kesedaran dan penglibatan wanita Melayu dalam politik adalah sesuatu yang memberangsangkan. Ia adalah satu fenomena baru yang tidak begitu menonjol sebelum ini. Kata seorang pemerhati politik yang menamakan dirinya sebagai 'Malayan':

Kemunculan wanita termasuk anak perempuan yang mengenehi purdah tradisi di kampung telah memeranjatkan semua orang di Tanah Melayu. Tidak pernah mereka melaku sedemikian sebelum ini seperti yang mereka lakukan dalam bulan-bulan terdekat. Apabila Kapten Gammans dan Lt Kolonel Rees Williams menjelajahi Tanah Melayu, ramai wanita di kebanyakan tempat keluar dan memberikan resepsi meriah. Di beberapa pusat tertentu, bilangan mereka melebihi lelaki. Mereka memberi ucapan utama dan membawa sepanduk dengan slogan 'hidup Melayu', 'Pergi Jahanam perjanjian MacMichael' dan 'MacMichael Menggunakan Diplomasi Jepun'. Bukan itu sahaja. Mereka berarak di hadapan M.P., para Sultan dan pemimpin UMNO sambil melaungkan slogan nasional yang sama. Pada satu peristiwa, isteri Sultan Perak sendiri mengetuai perarakan wanita. (Dato' Panglima Bukit Gantang 1946:18)

Mereka juga adalah jambatan politik masa depan orang Melayu, terutama dalam menentukan 'survival' politik orang Melayu. Ini diakui oleh pengerusi PMP, Dato' Panglima Gantang:

Kita boleh mendidik orang lelaki berpolitik, tetapi kita tidak boleh mempengaruhi anak-anak mereka kecuali kita libatkan ibu mereka. Apabila ibu mereka ada kesedaran politik, mereka boleh menjadi latar politik yang baik kepada anak-anak mereka.

Datin Putih Mariah bersama-sama membela ketuanan politikinya. Beliau menghadiri Kongres Melayu di Kg. Bahru, Kuala Lumpur yang diadakan pada 1-4 Mac 1946. Di situlah beliau melihat gelombang nasionalisme Melayu yang hebat dan menyaksikan dengan jelas, kesatuan orang Melayu sebagai satu bangsa. Di situlah sebanyak 39 buah persatuan negeri-negeri Melayu termasuk orang asli, telah hadir untuk membantah pelaksanaan Malayan Union. Mereka juga membuat keputusan untuk menubuhkan UMNO sebagai barisan depan menentang Malayan Union (lihat Ibrahim Mahmood 1981).

Perjumpaan Kongres 1946 di Johor Baharu untuk merasmikan penubuhan UMNO tidak dapat dihadapirinya kerana kesibukan keluarga. Bagaimanapun, perjumpaan UMNO di Ipoh pada bulan Jun 1946 telah melibatkan DPM yang telah dilantik sebagai ketua bahagian wanitanya. Di sinilah UMNO membuat keputusan untuk memilih bendera rasminya. Pertelingkahan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dengan persatuan-persatuan lain dan seterusnya penarikan diri parti tersebut dari UMNO dilihatnya sebagai satu tanda perpecahan politik masyarakat Melayu. Namun, beliau yang percaya kepada kesederhanaan, menyokong pucuk pimpinan UMNO yang dipegang oleh golongan elit tradisional di bawah Dato' Onn Jaafar.

Penubuhan Jabatan Kaum Ibu UMNO pada tahun 1946 bersama-sama jabatan lain, menyaksikan perlantikan Datin Putih Mariah sebagai setia-usahanya yang pertama. Yang Di Pertuanya ialah Dato' Onn Jaafar. Situasi ini agak menarik dan pelik kerana Jabatan Kaum Ibu UMNO tidak diketuai oleh seorang wanita. Seolah-olah orang ramai kurang kepercayaan kepada keupayaan wanita untuk mengendalikan hal ehwal mereka sendiri. Ia juga mungkin satu manifestasi kepada keengganan kaum ibu itu sendiri untuk muncul ke depan sebagai pemimpin. Mereka mungkin merasakan kurang kemampuan atau keyakinan untuk memimpin.

Sebagai permulaannya, Datin Putih Mariah telah mencadangkan supaya persatuan-persatuan negeri menubuhkan bahagian kaum ibunya. Ada setengah-setengah persatuan negeri gabungan UMNO tidak mempunyai bahagian wanita, seperti Persatuan Melayu Perlis, Persatuan Melayu Pahang dan banyak lagi. Bagi Datin Putih Mariah, tanpa bahagian wanita yang cergas, gerakan untuk menyedar dan menggalakkan penyertaan wanita dalam politik, terutama dalam menentang Malayan Union akan gagal. Cadangannya disambut baik oleh para pemimpin UMNO, terutama Dato' Onn dan Dato' Panglima Bukit Gantang dan Setiausaha Agung UMNO (Pergerakan Wanita UMNO Malaysia 1974).

Sebagai setiausaha Jabatan Kaum Ibu UMNO, Datin Putih-Mariah cuba seberapa daya menggerakkan persatuan-persatuan negeri. Pada mesyuarat agong UMNO di Johor Bahru pada tahun 1947, Datin Putih Mariah dilantik sebagai Pegawai Wanita UMNO. Dengan itu, tugasnya untuk memperhebatkan

gerakan wanita UMNO menjadi lebih mudah. Urusan perhubungan melalui surat-menyurat dengan persatuan-persatuan negeri telah dibuat dan cawangan-cawangan wanita bagi tiap-tiap persatuan dapat ditubuhkan. Bagaimanapun tidaklah mudah meyakinkan kaum ibu terhadap keperluan untuk berpolitik sepenuhnya kerana kaum ibu masih terkongkong dengan adat yang ketat dan kurangnya pendidikan. Justeru, kebanyakan ketua-ketua wanita UMNO terdiri dari isteri pemimpin-pemimpin UMNO peringkat negeri dan cawangannya.

Pada tahun 1948, UMNO menjadi sebuah parti politik dengan mempunyai ahli-ahli biasa dan bersekutu. Perikatan Melayu Perak (PMP) telah memilih untuk menjadi ahli UMNO dengan menjadi Bahagian UMNO dan Ketua Kaum Ibu Bahagian UMNO Perak. Beliau tetap mewakili UMNO Perak dalam mesyuarat agong UMNO di pusat.

Dalam mesyuarat agong UMNO di Seberang Perai pada bulan September 1947, Datin Putih Mariah telah dilantik sebagai Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO. Perikatan Pemuda UMNO juga ditubuhkan dengan Captain Hussein Onn sebagai ketuanya yang pertama. Kedua-dua badan UMNO ini diberi satu undang-undang tubuh sebagai panduan untuk bergerak. Dari segi objektifnya, pertama, kedua-dua pergerakan ini akan bekerja untuk menegakkan kepentingan parti UMNO dan memajukan pergerakan masing-masing. Keduanya ialah menjadikan kepentingan orang Melayu sebagai satu dasar perjuangan mereka (lihat Ramlah Adam 1978:52-61).

Datin Putih Mariah sebagai Ketua Pergerakan Wanita UMNO cuba melaksanakannya seberapa yang boleh. Salah satu caranya ialah dengan mengurus dan meluaskan peranan kaum ibu UMNO untuk menyokong parti dan membangkitkan kesedaran dan penglibatan politik wanita Melayu. Lawatan-lawatan kerap diadakan bagi mencari sokongan kaum ibu UMNO (Temuramah dengan Datin Putih Mariah, 12 Januari 1974).

Pada tahun 1950, Ibu Zainon Sulaiman (Ibu Zain) telah dilantik sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO yang baru; namun ini tidak bererti Datin Putih Mariah melupakan UMNO. Beliau terus bergiat cergas dalam UMNO Bahagian Perak. Apabila suaminya Dato' Zainal Abidin Abbas, yang merupakan Setiausaha Agong UMNO dan orang penting UMNO pusat, berpindah ke Kuala Lumpur, beliau terus bergiat dalam UMNO pusat.

Penarikan diri Dato' Onn dan suaminya dari UMNO pada akhir tahun 1951 (Ramlah Adam 1992: 117-215), tidak mengganggu kesetiaannya kepada UMNO. Walaupun beliau seorang isteri pemimpin penting UMNO dan pengikut setia Dato' Onn Jaafar, namun beliau sebagai seorang ahli UMNO dan bekas pemimpin penting Kaum Ibu UMNO, mempunyai pendirian tersendiri dalam krisis 1951 itu. Beliau tidak melihat cadangan Dato' Onn untuk membuka keahlian kepada bukan Melayu itu sesuatu yang sepatutnya menyebabkan Dato' Onn meletakkan jawatan dan keluar dari UMNO. Bagaimanapun, beliau juga sedar dengan sikap Dato' Onn yang begitu tegas dengan keputusannya.

Datin Putih Mariah telah dilantik sebagai Ketua Bahagian UMNO Kuala Lumpur dalam pemilihan bahagian itu pada tahun 1951. Ini adalah sesuatu yang menarik sekali kerana perlantikannya sebagai ketua bahagian UMNO adalah lambang kepada penglibatannya yang lama dalam UMNO yang sangat dihargai oleh ahli UMNO. Namun sebagai orang lama pula Datin Putih Mariah telah dicurigai oleh pucuk pimpinan UMNO. Beliau juga telah diketepikan dalam perancangan UMNO Bahagian Kuala Lumpur untuk menangani pilihanraya bandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952. Dato' Yahya Razak, ketua pilihanraya UMNO Kuala Lumpur, telah bekerjasama dengan MCA Selangor tanpa membincangkannya dengan ketua Bahagian UMNO, Kuala Lumpur iaitu DPM. Tindakan Bahagian UMNO Kuala Lumpur mengurangkan kerusi UMNO dari 6 kepada 5 kerusi sahaja juga bertentangan dengan keputusan mesyuarat UMNO Kuala Lumpur. Tindakan Dato' Yahya yang tidak mengikut prosedur dan kemudian disokong pula oleh UMNO pusat, telah menyebabkan Datin Putih Mariah meletakkan jawatan dan tidak lagi bergiat dalam UMNO. Beliau melihat perancangan untuk mengeneipkan beliau dari UMNO adalah kerana hubungan peribadinya dengan Dato' Onn, yang kini menjadi musuh pemimpin-pemimpin baru UMNO. Beliau meninggalkan UMNO untuk selama-lamanya (Carnell 1995:326).

#### KEAHLIAN DALAM MAJLIS PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

Kedudukannya sebagai pemimpin wanita UMNO di zaman yang masih kekurangan pemimpin wanita telah memberi satu kelebihan dan keselesaan kepada Datin Putih Mariah. Bagaimanapun, ini bukan bererti beliau tidak mempunyai kebijaksanaan untuk menyampaikan idea dan berbincang tentang isu-isu penting yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat Melayu dan negara. Kebolehannya memang terserlah sekali menerusi keanggotaannya dalam badan yang membuat rang undang-undang tertinggi pada masa itu. Keanggotaannya adalah penting sebagai wakil wanita dalam badan pembuat dasar negara sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Beliau merupakan wanita Melayu tunggal dalam Majlis tersebut. Mrs. B. Oon, seorang peguam dari Pulau Pinang pula dilantik mewakili Negeri-negeri Selat. Ternyata kehadiran wanita dalam badan yang begitu penting adalah sangat kecil bilangannya.

Datin Putih Mariah menjadi anggota Majlis Perundangan Persekutuan dalam satu tempoh yang panjang. Oleh itu beliau boleh dikatakan mempunyai peluang yang banyak untuk membincangkan beratus-ratus rang undang-undang yang dibentangkan. Perbincangan kertas ini akan menyentuh isu-isu penting yang mencerminkan penglibatannya sebagai seorang nasionalis Melayu yang sama-sama berjuang membina kemerdekaan negara ini.

## PENDIDIKAN UNTUK ANAK BANGSA

Soal pendidikan adalah satu isu penting bagi memperbaiki taraf hidup orang Melayu. Dalam membincangkan hal ini pada tahun 1949 DPM telah menggesa British supaya mengambil langkah yang segera bagi memperbaiki latihan guru-guru sekolah Melayu, yang dianggapnya “boleh menyebabkan mandiri atau bangsa kita musnah di tanah air sendiri” (*Proceeding of Federal Legislative Council 1948-1949:59*). Tanggungjawab untuk memberi pendidikan kepada orang Melayu memang telah dipersetujui sejak tahun 1948 lagi di antara British dan Raja-raja Melayu. Dalam Perjanjian Negeri Melayu 1948, Bahagian 13, dikatakan bahawa memberi pendidikan sekular kepada anak-anak Melayu adalah tanggungjawab kerajaan kolonial bagi membolehkan orang Melayu bergerak “... bagi membolehkan mereka berkongsi sepenuhnya ke atas kemajuan ekonomi, kebajikan sosial dan kerajaan negeri dan persekutuan” (*Proceeding of Federal Legislative Council 1948-1949:59*).

Bagi Datin Putih Mariah, tanggungjawab ini tidak mungkin dapat dijalankan jika hanya terdapat dua maktab sahaja untuk melatih guru-guru sekolah Melayu, iaitu Maktab Perguruan Sultan Idris dan Maktab Perempuan Melayu Melaka. Ini diakui oleh Laporan Tahunan Malayan Union (1946) yang mengatakan hanya terdapat 3,963 guru lelaki dan 701 ‘pupil students’ bagi 122,481 pelajar. Bagi guru-guru perempuan yang terlatih pula, keadaannya lebih menyedihkan. Di setiap sepuluh buah sekolah Melayu di Sungai Perak, hanya terdapat seorang guru perempuan yang terlatih. Untuk mengatasi kekurangan guru-guru terlatih itu, Datin Putih Mariah meminta kerajaan British supaya menubuhkan beberapa buah maktab lagi.

Mutu pendidikan di sekolah Melayu dan di maktab-maktab yang ada juga tidak menyenangkan hati Datin Putih Mariah.

... Pengetahuan dan latihan yang diperolehi pelajar tidak cukup luas dan tinggi bagi membolehkan mereka mengajar anak-anak di sekolah Melayu seperti yang diperlukan pada masa ini.

Akibatnya, mereka hanya layak bekerja ‘di kedai kopi’ sahaja. Mereka tidak dibekalkan dengan pendidikan yang tinggi “untuk menyara kehidupan atau mempunyai rasa menghargai masa dan pekerjaan”. Beliau juga tidak bersetuju dengan sistem ‘*Special Malay Class*’ yang dibuat begitu lambat sehingga umur mereka telah begitu tinggi sewaktu memasuki Darjah 7 sekolah Inggeris. Umur remaja (18 tahun) itu bagi Datin Putih Mariah, cukup layak bagi mereka mencari kerja dan terpesona dengan ‘night excursions’ (*Proceeding of Federal Legislative Council 1948-1949:59-61*).

Datin Putih Mariah bukan sahaja membangkitkan soal kekurangan guru-guru terlatih bagi sekolah Melayu, tetapi beliau juga membangkitkan soal gaji yang rendah bagi guru-guru agama di maktab kerajaan. Di Malay Girls’ College, Kuala Lumpur misalnya, dua orang guru agamanya telah diberi gaji hanya RM45.00 dan RM40.00 seorang. Jumlah ini sangat kecil dan hanya akan



dapat menarik guru-guru yang tidak begitu baik mutunya. Anak-anak perempuan yang belajar di maktab tersebut memerlukan pembimbing yang baik dan sanggup menjadi penasihat mereka. Guru-guru yang bergaji kecil seperti itu tidak akan dapat menjalankan tugas itu kerana mendapati ia akan membebankan dirinya. Oleh itu Datin Putih Mariah meminta supaya gaji guru-guru agama itu diperbaiki supaya 'guru agama yang baik dan tinggi kelayakan dapat ditugaskan' (*Proceeding of Federal Legislative Council 1948-1949:405*).

Dalam perbahasan yang sama juga, Datin Putih Mariah telah membangkitkan kepentingan anak-anak Melayu dan Persekutuan Tanah Melayu untuk mendapat faedah yang maksima dari bantuan mereka terhadap kewangan Universiti Malaya, Singapura. Dalam membincangkan *Grant to University of Malaya* bagi tahun 1952, beliau meminta semula kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menggiatkan lagi kemasukan anak-anak Melayu ke universiti tersebut, supaya sumbangan Persekutuan ke dalam peruntukan universiti itu dapat dimanfaatkan (*Proceeding of Federal Legislative Council 1948-1949:405*).

Hal-hal yang dibangkitkan oleh Datin Putih Mariah adalah satu rungutan yang memang menjadi tumpuan para pendokong perjuangan politik orang Melayu. Dasar British yang hanya memberi pendidikan di peringkat rendah dan tidak mempunyai nilai ekonomi, memang telah dibangkitkan sejak tahun 1930-an secara aktif oleh para reformis Melayu. Syarat setiap anak Melayu patut ke sekolah Melayu dan mengambil peperiksaan 'Special Malay Class', demi memasuki sekolah Inggeris juga menjadi satu sebab politik yang dilihat sebagai penghalang kemajuan pendidikan orang Melayu oleh British (lihat Roff 1966; Ramlah Adam 1992; Abdul Latif Bakar 1984). Datin Putih Mariah dengan itu mengulang semula sesuatu yang sangat rapat dengan perjuangan kebangsaan orang Melayu. Pengulangan ini adalah sangat perlu memandangkan ia masih tidak diberi perhatian sewajarnya oleh British. Desakan Datin Putih Mariah masih relevan dalam perjuangan orang Melayu.

H.A.R. Cheeseman selaku Pengarah Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu mengakui keperluan untuk memperbaiki taraf maktab-maktab perguruan yang ada. Sebuah jawatankuasa bagi mengkaji hal tersebut telah ditubuhkan di Maktab Perguruan Sultan Idris. Di samping itu, sebuah maktab perguruan bagi guru-guru lelaki di Pantai Timur dan sebuah maktab perguruan bagi guru-guru wanita pula di Kuala Kangsar akan dibina. Namun, ia hanya akan dibuat apabila terdapat peruntukan yang sesuai. Bagi sementara waktu, *Normal Classes* seperti yang dilakukan di Johor diwujudkan. Desakan Datin Putih Mariah ternyata diambil kira oleh British, tetapi tidaklah sepenuhnya kerana masalah kewangan dan dasar penjajahan British itu sendiri.

Minat beliau dalam soal pendidikan kebangsaan ditunjukkan dalam perbahasan mengenai Laporan Jawatankuasa Khas Pendidikan 1952. Jawatankuasa Khas ini telah ditubuhkan oleh Majlis Perundangan bagi membincangkan cadangan Penyata Barnes dan Fenn-Wu 1951. Tujuan kedua-dua penyata ini ialah membentuk satu dasar pendidikan kebangsaan. Ia merupakan satu

tindakan politik pendidikan oleh British dalam menyediakan Persekutuan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri (lihat Ramanathan 1985:36-51).

Datin Putih Mariah menyokong secara prinsip cadangan-cadangan dari kedua-dua penyata di atas. Beliau cukup bersetuju dengan keperluan sebuah dasar pendidikan kebangsaan yang akan “membantu pembentukan rakyat bersatu, iaitu bangsa Tanah Melayu yang terdiri dari semua golongan”. Bagi beliau, walaupun terdapat satu percanggahan pendapat yang sangat melampau di antara kedua penyata dan di antara *the Federal Citizens and the Non-Federal Citizens*, namun,

Saya suka menekankan kepentingan merangka polisi pendidikan yang menyediakan saluran terbaik bagi mengwujudkan perpaduan di kalangan rakyat yang dengan itu menjadi satu warga negara sebenar dan bukan sekadar janji pemimpin. (*Proceeding Federal Legislative Council 1951-1953:265*)

Pada pendapatnya, matlamat ini boleh dicapai jika dasar Penyata Barnes diambil kira oleh Jawatankuasa Khas tersebut.

Ternyata sekali Datin Putih Mariah mementingkan penggunaan satu bahasa sebagai alat perpaduan dan pembentukan kebangsaan negara ini. Penyata Barnes telah mencadangkan bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar sekolah rendah dan bahasa Inggeris pula sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah. Cadangan ini disokong oleh Datin Putih Mariah sebagai satu cara membentuk “satu Warga negara, satu Negara dan satu Kerajaan di Semenanjung...” (*Proceeding of Federal Legislative Council 1951-1953:253*). Beliau menolak penggunaan bahasa-bahasa lain seperti cadangan Penyata Fenn-Wu yang meminta bahasa Cina dijadikan bahasa pengantar di sekolah kebangsaan. Berdasarkan pendirian ini Jawatankuasa Khas telah mengeluarkan laporan mereka beberapa bulan kemudian dan membentuk Penyata Pelajaran 1952 (*Proceeding of Federal Legislative Council 1951-1953:623*).

Dalam soal pembiayaan pendidikan kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu pula, Datin Putih Mariah menyokong tindakan kerajaan British untuk mengenakan cukai pendapatan dan cukai perniagaan bagi golongan perniagaan. Sokongannya itu adalah kerana kepentingan pendidikan sebagai satu cara membentuk konsep kebangsaan (nationality) dan negara-negara Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam Penyata Pelajaran 1952, telah disebutkan bahawa:

- a) tiada yuran di sekolah kebangsaan.
- b) perkhidmatan tertentu di sekolah seharusnya diberi percuma.
- c) buku percuma pada had tertentu.
- d) pengangkutan percuma selagi diperlukan untuk mewajibkan kehadiran murid.
- e) pakaian sekolah atau pakaian seragam percuma.
- f) makanan di sekolah disediakan percuma untuk murid-murid yang mempunyai ibu bapa yang tidak mampu membayarnya.
- g) rawatan perubatan dan pergigian seharusnya percuma.

Kenyataan di atas telah diterima sebagai satu prinsip dalam pendidikan kebangsaan. Pembiayaannya adalah menjadi tanggungjawab golongan yang berada untuk membantu. Peruntukan dari *General Revenue* mengikutnya tidak cukup untuk menampung keperluan pendidikan kebangsaan itu. Maka, satu cukai baru perlu dilaksanakan bagi mengisi keperluan di atas. Walaupun cadangan ini dibantah oleh ahli perniagaan, tetapi ia adalah satu tanggungjawab sosial.

Saya menyeru semua Ahli-ahli Berhormat sekali lagi memikirkan jutaan kanak-kanak yang perlu kita beri pendidikan dan yang perlukan kita satupadukan sebagai rakyat Tanah Melayu yang cerdik dan berpengetahuan. (*Proceeding of Federal Legislative Council 1948-1949:681-682*)

Beliau telah mendesak satu prinsip pendidikan yang terbuka dan peluang pendidikan yang sama rata antara anak-anak lelaki dan perempuan di semua peringkat persekolahan (Ibid:624). Bagi beliau prinsip ini melahirkan satu keseimbangan dalam pembinaan masyarakat dan pembangunan negara. Bagaimanapun, sebagai seorang wanita, beliau tetap melihat kepentingan pendidikan urusan rumahtangga sebagai pendidikan mustahak bagi pelajar perempuan dan kaum wanita keseluruhannya (*Proceeding of Federal Legislative Council 1948-1949:624*), di samping mata pelajaran akademik yang lain.

Kecenderungan DPM membangkit isu pendidikan bagi anak-anak perempuan yang memang ketinggalan pada masa itu, menunjukkan keperihatinannya yang cukup mendalam dalam persoalan gender di Persekutuan Tanah Melayu. Sebagai wakil kaum wanita dalam Majlis ini, beliau melihat isu gender sebagai sesuatu yang sangat relevan dalam meningkatkan kedudukan dan sumbangan wanita kepada pembinaan negara-bangsa Persekutuan Tanah Melayu. Justeru, desakannya itu bukanlah sesuatu yang kecil dan remeh, sebaliknya cukup penting bagi kepentingan politik wanita yang kurang sekali menjadi perhatian kaum lelaki dalam Majlis tersebut.

Sumbangan kaum wanita kepada pembinaan negara sentiasa menjadi perhatian Datin Putih Mariah. Pada tahun 1950, beliau membangkitkan kepentingan tenaga wanita dalam pertahanan negara. Sebuah rang undang-undang yang bertajuk *The National Service Bill* telah dikemukakan oleh Setiausaha Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk menangani masalah gerakan Parti Komunis Malaya (PKM). Usaha British untuk menentang pemberontakan PKM memang telah dilakukan sejak Darurat diisytiharkan pada Julai, 1948. Berbagai usaha dari segi ketenteraan, keselamatan, politik dan kewarganegaraan serta reformasi petempatan dan sosial telah dan sedang dilakukan. Salah satu tindakan lain ialah kerahan tenaga rakyat lelaki yang mencapai umur 21 tahun. Mereka dilatih dengan latihan ketenteraan dan akan dipanggil berkhidmat apabila diperlukan.

Sebelum menjadi satu undang-undang, kerahan tenaga itu harus didebatkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Datin Putih Mariah telah mengambil

bahagian dalam hal ini. Beliau mempertikaikan peruntukan rang undang-undang ini yang hanya memberi peluang kepada kaum lelaki untuk menjalani kerahan tenaga ini. Katanya:

Pada pandangan saya, negara ini bukan milik lelaki sahaja. Wanita juga mempunyai haknya di negara ini dan saya menganggap hak dan wajar wanita diberi tempat dalam rang undang... Saya rasa dalam pekerjaan pertolongan cemas dan kerja-kerja lain yang tidak melibatkan memikul senjata, wanita boleh memainkan lebih peranan dari lelaki. Oleh yang demikian saya mencadangkan bahawa sementara lelaki dan wanita mempunyai hak sama ke atas negara ini, mereka juga berkongsi tanggungjawab mempertahankannya. (*Proceeding of Federal Legislative Council 1952-1953:119*)

#### PEMBINAAN NEGARA-BANGSA PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

Sebagai seorang tokoh masyarakat dan politik, perhatian Datin Putih Mariah terhadap isu pembinaan negara-bangsa Tanah Melayu ini memang menjadi perhatian utamanya. Bagaimanapun, beliau tetap menggunakan pandangan seorang wanita dalam menangani hal ini. Sebagai seorang ibu, beliau melihat cadangan Communities Liaison Committee (CLC) atau Jawatankuasa Perhubungan Kaum (JPM), yang ditubuhkan oleh British pada bulan Januari 1949, sebagai satu badan perhubungan politik antara bangsa-bangsa yang menduduki Persekutuan Tanah Melayu. Matlamatnya ialah bagi mencari satu pakatan dan kerjasama dalam mengurangkan jurang perkauman (lihat Ramlah Adam: 177-203) yang boleh dicapai dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran wajib di semua sekolah. Malah, cadangan CLC untuk menggunakan sistem pendidikan sebagai satu alat menyatukan kanak-kanak pelbagai kaum demi melahirkan satu kesetiaan kepada Persekutuan Tanah Melayu, dilihatnya sebagai satu cadangan yang sangat penting. Satu sistem pendidikan kebangsaan yang menggunakan Bahasa Melayu adalah wajar sekali diperkenalkan sebagai bahasa penyatuan anak-anak di bangku sekolah dan ditanamkan perasaan hormat menghormati di antara satu sama lain supaya pertumpahan darah tidak lagi berlaku di negara ini. Katanya:

Pada masa lalu, pendidikan kanak-kanak bergantung kepada kemampuan ibu bapa menyediakan perbelanjaan untuk menghantar anak-anak ke sekolah. Misalnya, kanak-kanak Melayu dihantar ke sekolah Melayu sikiranya ibu bapa mereka mampu. Begitu juga kanak-kanak China, Indian dan yang lain... Dalam masa aman, kesan tidak baik situasi ini mungkin tidak kelihatan, tetapi pada masa bermasalah seperti perang lepas, walaupun semua komuniti bersama tetapi mereka mempunyai pandangan dan idea yang berbeza. Apa yang berlaku? Darah tumpah di bumi Tanah Melayu-di Johor, di Perak, di Pahang, di kampung, di sawah padi, di bandar, di sungai dan lain-lain. Beribu nyawa hilang, nyawa China tidak bermakna kepada Melayu dan nyawa Melayu tidak ada makna kepada China, akibat perbezaan latihan... Saya percaya cadangan yang sedang kita bahaskan sekarang akan menjadi alat menyatupadukan antara ras yang tinggal di negara ini, supaya mereka mempunyai persefahaman, sama idea, supaya tragedi dahsyat tidak berulang lagi. (*Proceeding of Federal Legislative Council 1952-1953:58-59*)

Walaupun begitu harapan Datin Putih Mariah, perhatiannya kepada nasib politik orang Melayu tetap utama. Dengan pindaan kepada Perjanjian Persekutuan 1948 yang dilakukan dalam Federation of Malaya Agreement (Amendment) 1952, jumlah rakyat Persekutuan Tanah Melayu telah bertambah. Dengan itu, ia telah menjadikan penduduk Tanah Melayu begitu majmuk sifatnya; ketuanan orang Melayu ke atas Tanah Melayu telah dikongsi sama oleh hampir 60 peratus penduduk bukan Melayu. Pindaan ini memang telah menjadi satu tolak ansur politik yang besar di antara orang Melayu dan orang dagang, hasil dari tekanan Darurat 1948, British dan orang dagang sendiri. Parti utama Melayu, UMNO, di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar telah bertanggungjawab melonggarkan kerakyatan itu. Sebagai balasan, mereka telah diberikan RIDA (Rural Industrial Development Authority) sebagai badan sosioekonomi untuk meningkatkan taraf hidup, pendidikan, ekonomi dan politik orang Melayu (lihat Ramlah Adam 1992).

Di samping itu, sama seperti pemimpin-pemimpin UMNO yang lain, Datin Putih Mariah tetap mahu melihat kepentingan orang Melayu sebagai anak negeri dijaga sewajarnya. Justeru, beliau sengaja meminta jawapan bertulis daripada Ahli Dalam Negeri mengenai pertambahan rakyat Persekutuan pada tahun 1955. Encik Mustapha Albakri, setiausaha jabatan tersebut telah memberikan perangkaan berikut:

JADUAL 1. Taburan penduduk Tanah Melayu mengikut negeri dan kaum, 1955

Negeri	Melayu	Cina	India/Pakistan	Lain-lain	Jumlah
Kedah	441,550	75,329	22,221	5,263	544,363
Perlis	64,475	7,375	522	1,068	73,440
Penang	154,714	159,278	24,083	3,194	341,269
Perak	430,922	284,477	62,487	4,792	782,678
Selangor	231,725	235,013	64,822	8,642	540,202
N. Sembilan	135,900	74,656	18,123	2,708	231,387
Melaka	147,977	61,834	8,458	1,587	219,856
Johor	405,295	227,348	25,324	2,778	660,745
Kelantan	457,318	14,664	2,119	4,183	478,284
Terengganu	234,165	9,320	519	261	224,265
Pahang	153,119	60,933	6,360	1,052	221,464
Jumlah	2,875,160	1,210,227	6,360	1,052	4,337,953

Sumber: *Proceeding of Federal Legislative Council 1955*, 4th May 1955, r. 233-234, 235-236.

## KERAKYATAN MELALUI KUATKUASA UNDANG-UNDANG PADA 31.12.1954

Bagi kerakyatan secara permintaan dan naturalisasi sehingga akhir Disember 1954, terdapat 104,982 orang yang telah didaftarkan bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Dari jumlah tersebut seramai 31,705 orang adalah orang Melayu/Malaysian, 38,125 orang adalah keturunan Cina dan orang India pula seramai 30,000 orang, manakala lain-lain bangsa seramai 4,790 orang. Dari pendaftaran ini ternyata bukan Melayu mempunyai peningkatan yang tinggi iaitu 73,277 orang atau 69.8 peratus (*Proceeding of Federal Legislative Council 1954-1955:234*).

Dari perangkaan ini, Datin Putih Mariah mendapati jumlah orang Melayu atau Malaysian (yang ditafsirkan oleh British sebagai orang Melayu Semenanjung dan Kepulauan Melayu/Indonesia) pada keseluruhannya masih lagi tinggi, iaitu seramai 2,888,865 orang berbanding dengan bukan Melayu yang berjumlah 1,554,070 orang. Dengan itu, suara politik mereka masih lagi berkesan di Persekutuan Tanah Melayu. Bagaimanapun, jumlah itu mengikut Datin Putih Mariah sangat mudah diatasi oleh bukan Melayu jika kelonggaran kerakyatan terus dilakukan. Kerakyatan *jus soli* bersyarat yang diletakkan dalam pindaan 1952 itu dianggapnya dapat menyelamatkan orang Melayu buat sementara. Hak Melayu baginya patut dijaga. Oleh itu apabila UMNO yang didokongnya bekerjasama dengan MCA dalam pilihanraya 1952, Datin Putih Mariah merasa kecewa dan menarik diri dari UMNO.

Tindakannya itu adalah semata-mata untuk menunjukkan kepada pemimpin UMNO yang baru bahawa kedudukan politik orang Melayu/Malaysia semakin goyah jika UMNO tidak berhati-hati dengan kerjasamanya dengan MCA dan MIC dalam Parti Perikatan. Anggota Perikatan, terutamanya MCA dan MIC telah mendesak kerakyatan secara *jus soli* bagi menghadapi pilihanraya Persekutuan 1955. Desakan ini kemudian diterima dan dimeterikan secara rasminya pada tahun 1956, sewaktu langkah-langkah mendapatkan kemerdekaan dijalankan (Ibrahim Mahmud 1981:548-555).

## MENEGAKKAN KEPENTINGAN TEMPATAN DAN NILAI YANG BAIK

Sebagai seorang pemimpin tempatan yang melihat kepentingan tempatan dan anak negeri, Datin Putih Mariah telah membidas British dalam dasar pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu. Beliau meminta supaya British mengutamakan anak negeri dalam pentadbiran negara. Misalnya sebuah iklan mengenai jawatan kosong sebagai setiausaha sulit dan stenograper pejabat kerajaan Persekutuan telah diiklankan di England sahaja.

Saya tidak boleh percaya negara ini sudah bankrap dengan orang berkebolehan sehingga kita tidak boleh mendapatkan lapan setiausaha dan jurutrenkas dengan trengkas dan kepantasan menaip 100 dan 40 perkataan seminit. (*Proceeding of Federal Legislative Council 1954-1955: 904*)

Ini mengikutnya bertentangan dengan dasar kerajaan British yang bersetuju “untuk merekrut orang tempatan yang diberi keutamaan berbanding dengan orang dari luar negara; oleh itu beliau berharap pelaksanaan polisi itu dapat ditunjukkan pada masa sekarang”.

Salah satu sifat kewanitaan Datin Putih Mariah yang jelas dicernakan ialah cara bertindak yang teratur, bersih dan mengikut peraturan. Pembelaan kepada yang tertindas menjadi pegangannya. Beliau mengharapkan sesuatu dasar dan undang-undang yang akan dilaksanakan memberi faedah yang baik kepada anggota masyarakat terbanyak. Contohnya, beliau membantah penjualan loteri yang meluas di kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Dalam pindaan yang dicadangkan terhadap penjualan loteri pada tahun 1951, Datin Putih Mariah meminta supaya jualannya tidak dibuka kepada orang ramai melalui Pejabat Pos kerana:

bukan sahaja mengambil kesempatan ke atas kelemahan manusia tetapi juga menggesa mereka yang tidak mahu berjudi seperti golongan miskin, golongan muda dan golongan buta huruf yang tidak tahu apa-apa turut terlibat berjudi. (*The Social and Welfare Service Lotteries Board Bill 1951, Second Reading, 473:31*)

Datin Putih Mariah membantah pindaan ini demi mengelakkan satu sikap berjudi dari menular secara meluas di kalangan masyarakat, terutama golongan miskin.

Dalam membincangkan pula *The Loan Bill, 1952*, sikap menentang rasuah menjadi dasar ucapannya. Datin Putih Mariah mengaku selalu mendengar tender kerajaan ditetapkan pada harga sekali ganda lebih tinggi dari harga yang sebenarnya.

Saya tidak mendakwa atau berpendapat bahawa tidak ada apa-apa berlaku dalam Jabatan Kerajaan kerana saya tidak tahu. Tetapi saya berharap pegawai-pegawai berkaitan dengan perbelanjaan sebanyak RM100,000,000 akan berusaha sepenuhnya bagi memastikan transaksi tidak sah tidak berlaku, tetapi sebarang dakwaan perbelanjaan membazir bolehlah dielakkan. (*The Social and Welfare Service Lotteries Board Bill 1951, Second Reading, 473:31*)

Bulan Mac 1955 merupakan perbahasan terakhir Datin Putih Mariah dalam Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan sebelum ia dibubarkan pada bulan Mei 1955 bagi memberi laluan kepada Pilihanraya Persekutuan 1955. Ternyata Datin Putih Mariah telah memberi satu ucapan dan pendirian yang begitu tegas terhadap isu yang membangkitkan dan menegakkan kepentingan rakyat miskin. Beliau telah membidas kerajaan British kerana bersikap lepas tangan terhadap peruntukan membela kaum petani (penanam padi) yang kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu dan penduduk luar bandar. Beliau yang telah menjadi anggota 18 orang untuk mengkaji bantuan kerajaan kepada kaum petani merasa kecewa kerana cadangan mereka untuk menaikkan harga padi dan bantuan yang tinggi kepada penanam padi telah ditolak. Sebaliknya, kerajaan British hanya memberi RM15 juta untuk dibahagikan kepada seluruh

negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu dan terpulanglah kepada tiap-tiap negeri untuk membuat peruntukan kepada para petani. Datin Putih Mariah membantah dan sangsi dengan penyelewengan yang berlaku dan ada kemungkinan para petani tidak menerima bantuan tersebut.

... Saya rasa saya gagal sebagai Ahli Dewan ini sekiranya saya tidak protes sekeras-kerasnya terhadap kerajaan, bukannya negeri dan pembuat undang-undang negeri tetapi kerajaan, untuk melakukan sesuka hati dengan banyak wang yang diagih-agihkan dalam apa jua nisbah di kalangan mereka oleh seseorang yang tidak dikenali. Saya melihatnya sebagai tindakan tidak bertanggungjawab, satu jalan keluar yang mudah, sama seperti peribahasa kasawari membenamkan kepala di dalam pasir. (*Proceedings of Federal Legislative Council 1954-1955:45-46*)

Walaupun hal ini berkaitan dengan orang Melayu, namun yang lebih penting ingin diketengahkannya ialah satu sikap yang lebih bertanggungjawab yang patut ditunjukkan oleh pihak kerajaan British terhadap bantuan kepada rakyat miskin yang kebanyakannya terdiri daripada para petani dan penanam padi di luar bandar. Sikap yang lebih rajin, menasihati negeri-negeri dalam membelanjakan peruntukan Persekutuan, adalah prinsip yang ingin diutarakannya.

## KESIMPULAN

Kepentingan Datin Putih Mariah sebagai tokoh politik pengasas UMNO telah membolehkan beliau menjadi anggota pembuat dasar kerajaan sebelum negara ini mencapai kemerdekaan. Isu-isu yang dibangkitkannya adalah isu-isu yang menyentuh kepentingan dan keperluan bangsa Melayu dan persekutuan Tanah Melayu sendiri. Soal pendidikan bagi orang Melayu, soal penglibatan wanita dalam pertahanan negara, soal gaji guru-guru yang rendah, pembentukan satu negara-negara Malayan yang menggunakan bahasa pengantar yang sama, pembentukan sekolah kebangsaan sebagai alat penyatu generasi muda negara dan pembelaan kepada orang miskin dan menegakkan nilai-nilai yang baik bagi kesejahteraan rakyat umum, telah menjadi tema perbincangannya. Pendapatnya bernas, berterus terang dan tidak melampau. Ini sangat sesuai dengan pendidikannya dan sifat kaum wanita Melayu yang diwakilinya. Walaupun tidak dapat diukur sejauhmana keberkesanannya desakan beliau secara peribadi, namun kesemua pendapatnya diutarakannya bersama-sama dengan ahli-ahli lain dan mempunyai pendapat yang senada dengan DPM, seperti Menteri-menteri Besar Negeri-negeri Melayu yang juga menjadi pemimpin-pemimpin utama UMNO seperti Dato' Onn Jaafar, Dato' Hamzah Abdullah (Menteri Besar Negeri Sembilan) dan lain-lain lagi. Oleh itu, suara DPM menjadi kuat dengan adanya suara-suara orang Melayu yang lain dalam Majlis tersebut. DPM telah memainkan peranan penting sebagai penyumbang idea dan pembuat dasar kerajaan kolonial British sebelum negara ini mencapai



kemerdekaan. Malah beberapa dasar kerajaan kolonial itu dijadikan dasar kerajaan merdeka seperti penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa penyatuan; pembentukan sekolah kebangsaan serta melahirkan konsep satu kebangsaan (*nationality*) bagi negara yang akan mencapai kemerdekaan. Datin Putih Mariah sebenarnya telah bersama-sama meletakkan asas kemerdekaan negara ini.

RUJUKAN

- Abdul Latif Bakar. 1984. *Abdul Rahim Kajai Wartawan dan Sasterawan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Dato' Panglima Bukit Gantang (Haji Wahab). 1946. *Hidup Melayu: A Brief Review of Activities of The Malay National Movement*. Ipoh: Malay League of Perak.
- Ibrahim Mahmud. 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Proceeding of Federal Legislative Council 1948-1949*. Kuala Lumpur: Government Printers.
- Proceeding of Federal Legislative Council 1951-1953*. Government Gazette. Kuala Lumpur: Government Printer.
- Proceeding of Federal Legislative Council February 1954 to July 1955*, 'Federal Citizens', 4 May 1955.
- Proceedings of Federal Legislative Council March 1953 to January 1954*, 26<sup>th</sup> November 1953, Ruang 904.
- Proceeding of Federal Legislative Council, February 1954 to May 1955*, 'Head 15-The Treasury: Assistance to Padi Cultivators', 30 March 1955.
- Ramanathan K. 1985. *Politik Dalam Pendidikan Bahasa 1930-1971*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd..
- Ramlah Adam. 1978. *UMNO Organisasi dan Kegiatan Politik*. Kota Bahru.
- Ramlah Adam. 1992. *Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: DBP.
- Ramlah Adam. 1994. *Ahmad Boestaman Satu Biografi Politik*, Kuala Lumpur: DBP.
- W.R. Roff. 1967. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: UMP.
- Yeo Kim Wah. 1984. *The Politics of Decentralization*. Kuala Lumpur: OUP.

Jabatan Sejarah  
Fakulti Sastera  
Universiti Malaya  
Jalan Pantai  
Kuala Lumpur